

# TVET penting untuk lahir modal insan kreatif, inovatif

Berita Harian  
Khamis 4 Mei 2017

Tema Sambutan Hari Pekerja 2017, 'Pekerja Kreatif Pencetus Inovatif' sangat signifikan kepada semua pekerja sama ada sektor awam, swasta mahupun bekerja sendiri. Pekerja yang kreatif dan inovasi akan meningkatkan produktiviti, sekali gus melonjak pendapatan diri, isi rumah dan pendapatan negara.

Selari dengan hasrat untuk melaksanakan Lonjakan Transformasi Pekerja bagi memacu negara berpendapatan tinggi, antara strategi diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ialah mengupaya Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) yang diterajui oleh industri.

Strategi ini selari dengan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi untuk melaksanakan program dua tahun di universiti dan dua tahun di industri (2U2I).

Dalam hal ini, pekerja yang memimpin TVET di industri perlu kreatif dalam mengajar pelajar universiti yang mengikuti latihan atau pembelajaran di industri. Seperti pensyarah di universiti, pengajar/instruktur industri per-

lu kreatif dalam mencipta dan mempelbagaikan kaedah pengajaran. Tuntutan ini difikirkan perlu kerana persekitaran di industri tidak sama dengan suasana di bilik kuliah di universiti.

Persekitaran inovatif perlu diwujudkan oleh pekerja industri. Pastinya mereka yang kreatif berupaya untuk mencipta corak latihan baharu berdasarkan pengetahuan dan kemahiran inovasi. Menerusi perbincangan dan diskusi produk dan perkhidmatan inovatif boleh dihasilkan.

**Teroka ilmu, pasaran baharu**  
Ini membolehkan bukan sahaja pelajar dapat meneroka ilmu baharu daripada pekerja/pensyelia industri yang kreatif, tetapi juga gandingan pelajar universiti dan pekerja industri dapat meneroka pasaran baharu dan meningkatkan pendapatan industri.

Jelaslah bahawa bidang TVET memerlukan pekerja kreatif untuk mencetuskan inovatif dalam menuntaskan hasrat kerajaan untuk ekonomi Malaysia maju berpendapatan tinggi.

Asas penting kepada TVET untuk berkembang maju, institut

Pendidikan Latihan Guru TVET perlu mempunyai pekerja yang kreatif dan inovasi. Antara amanat Perdana Menteri kepada pekerja di Malaysia ialah dunia kini sedang memasuki ambang revolusi industri keempat. Oleh itu, *Internet of Things* (IoT), robotik, teknologi maklumat, teknologi nano dan kecerdasan menjadi faktor utama mempengaruhi pasaran buruh dan pekerjaan.

Dalam erti kata lain, sekiranya pekerja (pensyarah, pengajar, instruktur dan tutor) di institut Pendidikan Latihan Guru TVET kurang kreatif melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran akan memberi kesan negatif dalam melahirkan modal insan kreatif.

Graduan dihasilkan juga kurang berpotensi melakukan kerja-kerja inovasi dan merencat pencapaian ekonomi negara untuk berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Di semua jenis industri, termasuk yang berkaitan dengan bidang TVET tanpa pekerja kreatif, maka inovatif tidak dapat dihasilkan. Kreatif merujuk kepada kebolehan pekerja menghasilkan

idea berdasarkan pemikiran aras tinggi, reka bentuk unik dan penyelesaian masalah baharu.

## Persekitaran inovatif

Contohnya, pekerja di Institut Latihan Perguruan TVET bukan sahaja menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), media sosial dan Mobile Apps semasa, tetapi juga berani mencuba melaksanakan kelas bergerak.

Hadirnya ramai pekerja yang kreatif membolehkan persekitaran inovatif wujud. Inovatif merujuk kepada produk dan perkhidmatan berkualiti, menarik minat pelanggan dan tidak mempunyai persamaan dengan mana-mana produk dan perkhidmatan yang sedia ada di pasaran.

Menerusi pelaksanaan kuliah bergerak, pelajar akan sentiasa berasa kelainan dalam persekitaran pembelajaran, pelajar juga akan tertarik dan mendapat aura positif setiap kali kuliah dilaksanakan. Persekitaran yang memberangsangkan hasil daripada pelaksanaan kuliah bentuk baharu oleh pekerja TVET yang kreatif akan menghasilkan inovasi da-


lam penghasilan tugas pelajar.

Jangan terkejut sekiranya ada pelajar yang menghantar hiasan atau kertas kerja yang dipersenjatakan dalam bentuk multimedia (drama dan lagu).

Sehubungan itu, pemain-pemain TVET sama ada universiti, politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional yang produk akhirnya ialah graduan/pekerja yang akan memasuki pasaran pekerjaan dengan penguasaan kemahiran 'hands on' perlu bertanggungjawab untuk memastikan tema Sambutan Hari Guru 2017, 'Pekerja Kreatif Pencetus Inovatif' menjadi kenyataan.

Sokongan pihak industri mengangkasakan bidang TVET sangat diperlukan. Bak kata pepatah, 'Yang berat sama dipikul, Yang ringan sama dijinjing' dalam meralasikan keperluan pekerja kreatif untuk mencetus persekitaran inovatif.

**Prof Dr Ahmad Esa**  
Dekan Fakulti Pendidikan  
Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia



[FOTO HIASAN]

**Bidang inovatif seperti robotik** bakal menjadi faktor utama mempengaruhi pasaran kerja.